# MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 2/2017)

**TARIKH : 01 JUN 2017 (KHAMIS)**

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT NILAM 1, MENARA KKR 2 (BLOK G)**

**MASA : 8.30 pagi – 11.00 pagi**

**AGENDA :**

1. Kata-kata aluan Pengerusi Mesyuarat
2. Pengesahan Minit Mesyuarat
3. Pembentangan Maklumbalas Status Tindakan Berbangkit
4. Pembentangan Laporan Aktiviti ECKM 2017
5. Pembentangan Laporan Status CoP *'The Way Forward'*, Laporan Survey JPedia dan JPedia Versi 2.0
6. Pembentangan Laporan Pembudayaan Ilmu oleh **Cawangan Kerja Keselamatan** dan **JKR Negeri Terengganu**
7. Pembentangan Cadangan Program Persada Minda 2017
8. Hal-hal lain
9. Penutup

**KEHADIRAN :**

**A. IBU PEJABAT**

| Bil. | Nama Pegawai | Cawangan |
|---|---|---|
| 1 | Sr. Roznita Othman (Pengerusi) | Caw. Perancangan Asset Bersepadu |
| 2 | Pn. Aida Nuraini Abdul Jalil | Caw. Perancangan Asset Bersepadu |
| 3 | Sr. Dr. Khairil Hizar Md Khuzaimah | Caw. Perancangan Asset Bersepadu |
| 4 | Pn. Nor Parzila Abdul Ghaffar (Urusetia) | Caw. Perancangan Asset Bersepadu |
| 5 | Pn. Khairunnisa Mohd Hairuddin (Urusetia) | Caw. Perancangan Asset Bersepadu |
| 6 | Pn. Nor Hayati Yahya | Caw. Kerja Bangunan Am 1 |
| 7 | Ir. Mohd Azhar Abdullah | Caw. Kerja Bangunan Am 2 |
| 8 | Pn. Siti Sazmilaila Mohd Saimi | Caw. Kerja Keselamatan |
| 9 | En. Muzamir Izham Mustafa | Caw. Kerja Kesihatan |
| 10 | Ir. Wan Abdul Rahman Wan Hassan | Caw. Jalan |

| | | |
|---|---|---|
| 11 | Pn. Siti Nurulhuda Amiruddin | Caw. Kej. Infastruktur Pengangkutan |
| 12 | Pn. Nor Hasni Mohd Sufian | Caw. Kontrak & Ukur Bahan |
| 13 | Pn. Nozie Yanti Nordin | Caw. Kontrak & Ukur Bahan |
| 14 | En. Muhammad Izzat Ishak | Caw. Kej. Elektrik |
| 15 | Pn. Arbaah Abu | Caw. Kej. Mekanikal |
| 16 | Pn. Zainon Tohid | Caw. Arkitek |
| 17 | En. Mohamad Lokman Mohamad Ali | Caw. Ke. Awam & Struktur |
| 18 | Pn. Nur Aziaswani Abdullah | Caw. Kej. Geoteknik |
| 19 | Pn. Azlina Abdul Aziz | Caw. Senggara Fasiliti Bangunan |
| 20 | En. Hasrul Mat Khatib | Caw. Senggara Fasiliti Jalan |
| 21 | Pn. Nur Amalina Mat | CREaTE |
| 22 | En. Effendi Mohd Sood | Caw. Dasar & Pengurusan Korporat |
| 23 | Pn. Norhashimah Mohamed Sulaiman | Caw. Dasar & Pengurusan Korporat |
| 24 | Ar. Rafidah Ismail | Caw. Alam Sekitar & Tenaga |

**B. JKR NEGERI**

| Bil. | Nama Pegawai | JKR Negeri |
|---|---|---|
| 1 | En. Mohd Hafizi Mat Akhir | Perlis |
| 2 | En. Yahaya Abd Rahman | Pulau Pinang |
| 3 | En. Mohamad Sallehuddin Othman | Perak |
| 4 | Ir. Mohamad Farid Rosli | Selangor |
| 5 | Pn. Nur Fairuzzah Md Marham | WP Kuala Lumpur |
| 6 | En. Hanafi Aminuddin | WP Putrajaya |
| 7 | En. Zamri Abbas | Negeri Sembilan |
| 8 | Pn. Kueh Hiong Mui | Melaka |
| 9 | Sr. Ruzali Hussain | Pahang |
| 10 | En. Zainal Abdul Rahman | Kesedar |
| 11 | En. Wan Azhary Wan Mansor | Kelantan |
| 12 | En. Mohd Ali Ismail | Terengganu |
| 13 | Pn. Che Azizah Abd Aziz | Terengganu |

**PERBINCANGAN MESYUARAT**

| BIL. | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **1.0** | **Kata Aluan Pengerusi Mesyuarat** | |
| 1.1 | Sr. Roznita Othman, selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan tahniah serta terima kasih kepada semua yang hadir. | Makluman |
| 1.2 | Puan pengerusi memaklumkan bahawa Pengarah Kanan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu, Dato' Ir. Hj. Mohd Daud bin Harun telah mula bercuti persaraan dan Encik Mohd Rahim bin Kawangit akan menanggung tugas Dato' Pengarah Kanan sepanjang ketiadaan beliau. Namun dukacitanya, Encik Mohd Rahim bin Kawangit tidak dapat mempengerusikan mesyuarat kerana perlu hadir ke mesyuarat SSR. | Makluman |
| **2.0** | **Pengesahan Minit Mesyuarat** | |
| 2.1 | En. Hafizi Mat Akhir dari JKR Negeri Perlis memaklumkan bahawa terdapat kesilapan ejaan nama beliau di senarai kehadiran, perenggan 6.1 dan perenggan 6.2. | Makluman |
| 2.2 | Minit mesyuarat disahkan oleh Pn. Aida Nuraini Abdul Jalil dari Cawangan Perancangan Aset Bersepadu dan disokong oleh En. Mohamad Lokman Mohamad Ali dari Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur. | Makluman |
| **3.0** | **Makluman Status Tindakan Berbangkit** | |
| **3.1** | **Laporan Aktiviti Perkongsian Ilmu 2017**<br>Sr. Dr. Khairil Hizar Md Khuzaimah memaklumkan Knowledge Manager dari Cawangan Kejuruteraan Cerun dan Cawangan Pendidikan masih belum menghantar laporan aktiviti perkongsian ilmu sehingga 31 Mei 2017. | Knowledge Manager (CKC & Caw. Pendidikan) |
| 3.1.1 | Knowledge Manager disarankan untuk mengemaskini laporan perkongsian ilmu melalui format yang dikongsikan menerusi *Google Drive* selewat-lewatnya pada pertengahan Jun 2017 bagi memenuhi KPI pengarah cawangan dan negeri. | Knowledge Manager |

| | | |
|---|---|---|
| 3.1.2 | Knowledge Manager Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan memaklumkan bahawa terdapat perubahan jumlah aktiviti yang telah dilaksanakan iaitu sebanyak 14 bilangan. | Makluman |
| 3..1.3 | Knowledge Manager disarankan untuk melaksanakan sekurang-kurangnya lima (5) aktiviti pembudayaan ilmu setahun. | Knowledge Manager |
| 3.2 | **Penghantaran Naskah Buku ke JKR Menara PJD** | |
| 3.2.1 | Pn. Aida Nuraini memaklumkan bahawa pihak perpustakaan boleh menggunakan rak buku milik CPAB tetapi perlu dipastikan dahulu samada rak tersebut masih berada dalam keadaan baik atau tidak. | ECKM |
| 3.2.2 | Puan Pengerusi mohon pihak perpustakaan menyemak semula penyerahan buku yang telah dibuat kepada siapa kerana pihak CPAB tidak menerima naskah buku. | Perpustakaan |
| 3.2.3 | Puan Pengerusi menyeru kepada ahli mesyuarat yang ingin menderma buku boleh dihantar ke CPAB Menara PJD. | Makluman |
| 4.0 | **Pembentangan Aktiviti ECKM 2017** | |
| 4.1 | Sr. Dr. Khairil Hizar membentangkan status pelaksanaan aktiviti ECKM 2017 sehingga Mei 2017 serta perancangan aktiviti sehingga hujung Disember 2017. | Makluman |
| 4.2 | Puan Pengerusi memaklumkan bahawa satu Bengkel KM Audit telah dilaksanakan pada 8-10 Mac 2017 yang melibatkan Cawangan Kontrak & Ukur Bahan (CKUB), Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (CKM), Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE) dan Cawangan Arkitek. | Makluman |
| 4.3 | Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Knowledge Manager yang telah mengambil peluang menyertai Knowledge Connection (KConnect 2017) yang telah diadakan di Sasana Kijang pada 25 April lalu. | Makluman |
| 4.4 | Puan Pengerusi menyarankan agar Knowledge Manager yang baru dapat mengikuti kursus pengendalian JCoP dan JPedia yang akan diadakan pada bulan Julai 2017. | Knowledge Manager |

| | | |
|---|---|---|
| 4.6 | Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa Program Persada Minda telah ditetapkan pada 15-16 Ogos 2017 dan Knowledge Manager dimohon untuk mengenalpasti nama peserta dari setiap cawangan/negeri untuk mengikuti program ini. | Knowledge Manager |
| **5.0** | **<u>Pembentangan Laporan Status CoP</u>** | |
| **5.1** | Sr. Dr. Khairil Hizar Md Khuzaimah telah membentangkan laporan Status JCoP dan CoP terkini. | Makluman |
| **5.2** | Mesyuarat dimaklumkan sehingga 31 Mei 2017, untuk status JCoP, sebanyak 3923 post merangkumi soalan, jawapan dan komen telah direkodkan manakala page views adalah sebanyak 129,222, pengguna berdaftar JCoP seramai 2,322 Orang dengan bilangan soalan belum berjawab sebanyak 57 soalan. Terdapat peningkatan yang sangat baik. | Makluman |
| **5.3** | Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu Bengkel CoP Health Check akan diadakan pada 20-21 Julai 2017 yang melibatkan CoP *Leader* dan *Coordinator.* | Makluman |
| **5.4** | **<u>CoP *"The Way Forward"*</u>** | |
| 5.4.1 | Mesyuarat dimaklumkan bahawa Surat Arahan KPKR Bil. 14/2017 berkenaan penggunaan JCoP dan JPedia telah diterbitkan pada 1 Jun 2017. Sehubungan dengan itu, lantikan CoP champion dan core team yang baru akan dilaksanakan bagi CoP yang dormant. | Makluman |
| 5.4.2 | Penilaian prestasi CoP melalui akan dilaksanakan melalui CoP self-assesment. Pihak ECKM dalam perancangan bagi mengenalpasti domain CoP yang baru. | Makluman |
| 5.4.3 | Pihak ECKM akan mempergiatkan lagi program berkaitan CoP bagi tujuan promosi dan marketing untuk mewar-warkan CoP kepada cawangan dan negeri. | Makluman |

| | | |
|---|---|---|
| **6.0** | **<u>Pembentangan laporan pebudayaan ilmu</u>** | |
| **6.1** | **<u>JKR Negeri Terengganu</u>** | |
| **6.1.1** | En. Mohd Ali Ismail selaku knowledge manager dari JKR Negeri Terengganu telah membentangkan laporan pembudayaan ilmu yang dijalankan di JKR Terengganu. | Makluman |
| **6.1.2** | Antara perkara yang dibentangkan oleh En. Mohd Ali Ismail adalah pelaksanaan program pembudayaan ilmu oleh JKR Terengganu seperti adalah lawatan teknikal, taklimat/kursus/bengkel dan team building. | Makluman |
| **6.2** | **<u>Cawangan Kerja Keselamatan</u>** | |
| **6.2.1** | Pn. Siti Sazmilaila selaku wakil Knowledge Manager dari Cawangan Kerja Keselamatan telah membentangkan laporan pembudayaan ilmu yang dijalankan di Cawangan Kerja Keselamatan. | Makluman |
| **6.2.2** | Antara perkara yang dibentangkan oleh Pn. Siti Sazmilaila ialah fungsi utama cawangan untuk memakluman ahli mesyurat. | Makluman |
| **6.2.3** | Mesyuarat dimaklumkan antara pelaksanaan program pembudayaan ilmu oleh Cawangan Kerja Keselamatan adalah lawatan teknikal, taklimat/kursus/bengkel, program kerohanian dan pengwujudan ruang ilmu. | Makluman |
| **6.2.4** | Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan tahniah diatas pembentangan dari JKR Terengganu dan Cawangan Kerja Keselamatan. Puan pengerusi meminta agar JKR Terengganu dan Cawangan Kerja Keselamatan dapat memuat naik di JPedia dokumen/kertas pembentangan/ nota sepanjang program yang dijalankan bagi perkongsian ilmu di cawangan/negeri. | Makluman |
| **6.2.5** | Puan pengerusi juga memaklumkan dan mengingatkan kepada ahli mesyuarat agar dapat mengguna pakai ISO yang terbaru berkuatkuasa pada 1 Jun 2017. | Makluman |

| | | |
|---|---|---|
| **7.0** | <u>**Pembentangan cadangan program persada minda 2017**</u> | |
| **7.1** | Mesyuarat dimaklumkan bahawa Pn. Samsul Khamariah, Pustakawan JKR telah bersara dan masih belum berpengganti. | Makluman |
| **7.2** | Pn. Norhashimah Mohamed Sulaiman dari Unit Perpustakaan dan Sumber Maklumat JKR telah membentangkan cadangan Program Persada Minda 2017. | Makluman |
| **7.3** | Cadangan bagi Program Persada Minda 2017 adalah pada 15-16 Ogos 2017 di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid. Tema program adalah Bakti Disemai, Jasa Dituai. | Makluman |
| **7.4** | Antara cadangan pengisian Program Persada Minda 2017 adalah seperti berikut:<br><br>Hari pertama (15.08.2018)<br>i. Bual bicara:<br>Wira yang tak didendang<br>-Kisah Pembinaan Jalan Timur Barat Gerik Perak (JRTB)<br>(tentera/JKR)<br>ii. Perkongsian ilmu:<br>Yayasan Nur Salam<br><br>Hari kedua (16.08.2017)<br>i. Perkongsian ilmu:<br>Detik Cemas Mavi Marmala<br>-En. Aswad Ismail<br><br>ii. Bual bicara:<br>Menelusuri Minda Merdeka<br>-Prof Khoo Kay Kim<br>-Pn. Melur Jelita<br>-Pn. Shuhaimi Baba | Makluman |
| **7.5** | Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu mesyuarat berkenaan perkongsian ilmu JRTB telah diadakan di JKR Perak bagi mendapatkan informasi awal daripada Dato' Dorairajoo dan Kol (B) Kamaluddin. | Makluman |

| | | |
|---|---|---|
| **7.6** | Pn. Norhashimah telah mendapatkan video berkaitan JRTB daripada pihak RTM dan bahan tersebut akan dipaparkan semasa Persada Minda. | Makluman |
| **7.7** | Puan pengerusi menyarankan kepada Knowledge Manager agar dapat war-warkan Program Persada Minda ini kepada cawangan dan negeri supaya ia lebih mendapat sambutan. | Knowledge Manager |
| **8.0** | **<u>Hal-hal lain</u>** | |
| **8.1** | Sr. Dr. Khairil Hizar memaklumkan kepada mesyuarat agar laporan pembudayaan perkongsian ilmu selepas ini boleh dibuat melalui link google drive yang dikongsikan dan tidak perlu lagi menghantar melalui emel bagi memudahkan kedua-dua pihak. | Knowledge Manager |
| **8.2** | Puan pengerusi mengingatkan bahawa laporan Project Lesson Learned adalah tanggungjawab PO di negeri dan bukan tugas knowledge manager untuk laksanakan. | Knowledge Manager |
| **8.3** | En. Mohamad Sallehuddin dari JKR Perak memaklumkan bahawa terdapat ahli gantian yang baru di JKR Perak dan mohon pihak ECKM untuk membuat surat perlantikan. | ECKM |
| **8.4** | Puan pengerusi mengucapkan tahniah kepada Pn Nor Hayati Yahya dari Caw. Kerja Bangunan Am 1 kerana telah berjaya melaksanakan minggu perkongsian ilmu bagi cawangannya. Antara program yang dilaksanakan dalam minggu tersebut adalah penerangan berkenaan Knowledge Management, JCoP, JPedia, Project Lesson Learned Projek Bangunan Kuarters Jalan Cockrane berkaitan project monitoring serta EKSA. | Makluman |
| **8.5** | Pn Nur Amalina Mat memaklumkan kepada mesyuarat bahawa pihak perpustakaan CREaTE akan menganjurkan Kursus Pembudayaan Maklumat Dan Explorasi Digital dengan kerjasama PNM pada 6-7 September 2017. Knowledege Manager adalah disarankan untuk hadir kerana ia melibatkan pengkalan data yang sangat berguna untuk dilayari. | Knowledge Manager |

| | | |
|---|---|---|
| **9.0** | **<u>Penutup</u>** | |
| 9.1 | Puan pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan juga maklumbalas yang telah diberikan. Mesyuarat ditangguhkan kepada tarih yang akan diberitahu kelak. | Makluman |

| | |
|---|---|
| **Disediakan oleh :** | **Disemak oleh :** |
| **Khairunnisa Binti Mohd Hairuddin**<br>**Jurutera Awam**<br>**Unti ECKM, CPAB** | **Sr. ~~Dr.~~ Khairil Hizar Bin Md Khuzaimah**<br>**Jurukur Bahan Kanan**<br>**Unit ECKM, CPAB** |